

Ruj Kami : JHEAINS.196(09)BPMS/268/1 (87)

Tarikh : 21 Julai 2023M

2 Muharram 1445H

EDARAN SEGERA

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid

Pengerusi Jawatankuasa Surau Solat Jumaat

Pengerusi Jawatankuasa Surau

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YBhg. Dato'/Tuan,

PEKELILING PENGGUNAAN PEMBESAR SUARA DI MASJID DAN SURAU SELURUH NEGERI SEMBILAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, penggunaan pembesar suara di masjid dan surau seluruh Negeri Sembilan hendaklah mematuhi ketetapan seperti berikut;

- i. Azan dan Iqamah boleh menggunakan pembesar suara di bahagian dalam dan luar.
- ii. Azan yang dikumandangkan lewat dari awal masuk waktu solat disarankan untuk menggunakan pembesar suara bahagian dalam sahaja.
- iii. Bacaan Imam ketika solat dan wirid selepas solat disarankan untuk menggunakan pembesar suara bahagian dalam sahaja. Bacaan wirid imam dengan "volume" sederhana mengambil kira keadaan jemaah bagi mengelakkan gangguan terhadap mereka yang sedang solat.
- iv. Penggunaan pembesar suara bahagian luar bagi bacaan al-Quran dan Tarhim boleh diperdengarkan dengan "volume" sederhana.
- v. Sesi kuliah yang dilaksanakan di masjid dan surau disarankan untuk menggunakan pembesar suara bahagian dalam sahaja.
- vi. Bacaan Tarhim Subuh diperdengarkan maksimum tidak lebih dari 10 minit.

JALAN YAM TUAN 70000 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



vii. Jika menerima sebarang aduan yang mengganggu ketenteraman awam berkaitan penggunaan pembesar suara, perundingan hendaklah dilaksanakan antara pihak Jawatankuasa Masjid dan Surau dengan penduduk kariah tersebut.

3. Ketetapan ini selaras dengan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan bil.4/2021 yang telah bersidang pada 13 September 2021 yang memutuskan bahawa :

"Mbenarkan bacaan al-Quran atau bertarhim di masjid dan surau yang juga merupakan syiar dalam Islam dengan syarat hendaklah memastikan bacaan tersebut dengan kadar suara yang sederhana dan tidak terlalu kuat sehingga boleh mengganggu ketenteraman masyarakat awam."

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Dato'/Tuan dalam memastikan pelaksanaan arahan pekeliling ini amat diharapkan.


Sekian, wassalam.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD ZAIDI BIN RAMLI)

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan Darul Khusus

s.k.:

- i. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
- ii. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus
- iii. Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama, Bahagian Penguatkuasaan JHEAINS
- iv. Pegawai Agama Islam Daerah, JHEAINS Daerah
- vi. Fail Timbul